



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Industries

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 PUTRAJAYA,
MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafi.gov.my

KENYATAAN MEDIA

SESI LIBAT URUS KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) BERSAMA PEMAIN INDUSTRI UTAMA INDUSTRI AYAM

PUTRAJAYA, 23 MEI 2022 – YB Menteri Pertanian dan Industri Makanan telah mengadakan sesi libat urus dengan pemain utama industri ayam. Sesi ini telah dihadiri oleh 12 pemain industri dan persatuan penternak seperti Leong Hup Poultry Farm Sdn. Bhd., HLRB Broiler Farm Sdn. Bhd., PWF Corporation Bhd, Federation of Livestock Farmers' Association of Malaysia (FLFAM) dan Persatuan Penternak Ayam Negeri Selangor (PPANS).

MAFI mengambil maklum semua isu-isu yang telah dibangkitkan termasuk peningkatan kos pengeluaran ayam, masalah kenaikan berat badan ayam, jangkitan penyakit, keadaan cuaca, proses Kebenaran Merancang (KM) dan sebagainya yang antara lain telah menjelaskan operasi dan seterusnya memberikan kesan kepada bekalan ayam.

Isu-isu berkaitan dengan pemberian subsidi ayam melalui DVS kepada penternak juga telah dibincangkan. DVS akan terus mempermudah dan mempercepatkan proses tuntutan subsidi penternak ayam bagi merancakkan aktiviti pengeluar makanan ke arah meningkatkan pengeluaran domestik.

Sebelum ini, MAFI telah mempermudahkan prosedur permohonan bagi mempercepatkan pembayaran subsidi kepada penternak ayam. Tindakan juga sedang diambil dengan mobilasi lebih banyak pegawai ke peringkat negeri bagi segerakan semakan permohonan.

Kerajaan telah menetapkan harga siling ayam standard pada harga RM8.90/kg dengan pemberian subsidi sebanyak RM729.43 juta di bawah Skim Kawalan Harga Keluarga Malaysia (SKHKM) yang dilaksanakan sejak 5 Februari lalu.

Subsidi ini telah diberikan oleh Kerajaan untuk meringankan beban kos pengeluar ayam yang kian meningkat. Walau bagaimanapun, hanya RM50 juta subsidi telah dibayar setakat ini. Semua penternak yang memenuhi syarat diminta untuk kemukakan permohonan supaya tuntutan dapat disalurkan dalam tempoh yang telah dijanjikan.

Melalui sesi libat urus hari ini, pihak industri juga telah menyatakan komitmen dan jaminan bahawa ladang-ladang mereka akan terus membekalkan ayam untuk keperluan pasaran tempatan.

MAFI akan terus mengadakan perjumpaan dan libat urus dengan pihak industri yang memainkan peranan penting dan terlibat langsung dalam rantai pengeluaran bekalan ayam bagi memastikan kelangsungan pengeluaran kekal terjamin.

Pada masa yang sama, Kerajaan juga tidak akan berkompromi dan tindakan tegas akan diambil ke atas mana-mana pihak yang menyorok, menyimpan atau sabotaj terhadap bekalan ayam di pasaran yang dapat menjelaskan kehidupan rakyat.

MAFI sentiasa memandang serius sebarang perkara yang mengancam sekuriti makanan negara dan akan terus mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan bekalan makanan negara terus kekal terjamin demi kesejahteraan Keluarga Malaysia.

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
23 MEI 2022**